

# Pra Pendaftaran & Program Orentasi Pelajar IEC 2010/2011

Oleh ; Aizatul Akma Wani Arifin



Tarikh 14 April adalah merupakan tarikh yang memberi detik manis kepada para pelajar antarabangsa UniMAP yang mengikuti program IEC. Ini kerana, mereka telah berjaya menamatkan Program IEC dan sekaligus akan mengikuti program Ijazah Pertama pada bulan Julai 2010 nanti. Seramai 39 orang pelajar antarabangsa yang terdiri daripada pelajar China, Indonesia, Filipina, Sudan, Iraq, Somalia dan Yemen telah mengikuti program yang berlangsung selama 3 hari ini.

Antara pengisian menarik yang terdapat sepanjang 3 hari program ini adalah slot yang disampaikan oleh wakil setiap pusat kejuruteraan mengenai program-program yang terdapat dalam setiap kursus yang ditawarkan kepada pelajar di peringkat ijazah.

Hal ini, dapat memberi pendedahan dan pemahaman yang kukuh kepada para pelajar antarabangsa ini supaya mereka mendapat gambaran awal tentang kursus yang bakal dipelajari di peringkat ijazah nanti. Sepanjang sesi 3 hari ini juga, pelajar antarabangsa turut diberi taklimat serta pendedahan mengenai kemudahan pengangkutan oleh wakil dari Jabatan Pembangunan, kemudahan kesihatan oleh wakil dari Jabatan Kesihatan dan juga aktiviti serta program yang bakal diikuti oleh mereka.

Selain itu, slot pada hari penutup pada 16 April, iaitu setiap wakil pelajar antarabangsa mewakili rakan-rakan dari negara masing-masing menyampaikan ucapan terima kasih kepada Y. Bhg. Brigadier Jeneral Dato' Prof. Dr.

Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP dan juga kepada Dekan CIA, Prof Madya Dr. Syahrom Abdullah di atas kebajikan, kemudahan serta keprihatinan yang diberikan sepanjang mereka menjalani program IEC. Antara lainnya, mereka turut berkongsi pengalaman suka-duka mereka sepanjang menjadi pelajar IEC, antaranya adalah mewakili universiti dalam pertandingan tarian di Kejohanan FESKUM 2009 dan telah mendapat tempat ketiga.

Semoga sepanjang keberadaan mereka sebagai pelajar UniMAP, telah memberi kenangan manis serta menarik minat mereka meneruskan pengajian di peringkat ijazah di universiti ini.